

12/08/1999

Kakitangan kerajaan berpeluang beli rumah di Putrajaya

KUALA LUMPUR, Rabu - Kakitangan kerajaan berpendapatan sederhana dan rendah yang akan berpindah ke kawasan pentadbiran baru di Putrajaya, berpeluang memiliki rumah sendiri di sekitar kawasan berkenaan tidak lama lagi.

Usaha pembinaan rumah kos rendah dan sederhana akan dilaksanakan kerajaan atau pihak swasta dengan kerjasama Kongres Kesatuan Sekerja Perkhidmatan Awam (Cuepacs) bagi membolehkan ahli kesatuan memiliki rumah sendiri berhampiran tempat kerja.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, juga sudah menyatakan persetujuan kepada Cuepacs ketika pelancaran rumah kos rendah di Taman Bercham Raya, di Ipoh pada awal bulan ini.

Setiausaha Agungnya, Abdul Rahman Manan, berkata sehubungan itu Cuepacs akan menyerahkan memorandum kepada Perdana Menteri mengenai perkara berkenaan pada Oktober ini.

Setakat ini, Cuepacs sudah menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) dengan pemaju, Kumpulan Emkay dan Kerajaan Perak bagi pembinaan rumah kos rendah bagi kakitangan kerajaan.

"Cuepacs mengharapkan kerajaan dapat memberi kelonggaran seperti pengecualian cukai supaya tanah di sekitar Putrajaya mampu dimiliki kakitangan kerajaan," katanya di hari ini.

Sebelum ini, Presiden Cuepacs, N Siva Subramaniam, meminta kerajaan memastikan pembangunan pusat pentadbiran Putrajaya mengambil kira pembinaan rumah kos rendah bagi memenuhi permintaan kakitangan kerajaan.

Awal bulan lalu, Perdana Menteri berkata, kerajaan membenarkan pembinaan rumah kos rendah berhampiran Koridor Raya Multimedia (MSC) selagi ada permintaan.

Abdul Rahman berkata, kenyataan Dr Mahathir bersesuaian dengan kehendak Cuepacs baru-baru ini yang meminta Perdana Menteri supaya rumah kos rendah turut dibina di Putrajaya.

"Kita mungkin akan menandatangani MoU dengan Kumpulan Emkay atau syarikat pemaju lain untuk menjayakan tujuan berkenaan," katanya.

Selain itu, Cuepacs akan mengambil kesempatan bertemu Dr Mahathir bagi membincangkan isu semakan gaji kakitangan awam, meningkatkan usia persaraan kepada 58 tahun dan peranan cuepacs menjelang alaf baru.

Beliau berkata, kesatuan berkenaan akan meneruskan rundingan secara perkongsian pintar bagi membolehkan kedua-dua pihak berpuas hati dengan hasil rundingan.

"Contohnya, semakan gaji yang sepatutnya sudah dibuat tetapi dilanjutkan kerana kerajaan turut mengalami kesan kegawatan ekonomi, tetapi apabila kerajaan ada duit, dia akan bayar tuntutan Cuepacs," katanya.

Mengenai bonus tahun ini, Abdul Rahman berkata, Cuepacs mungkin akan memohon hanya sebulan gaji atau sekurang-kurangnya RM1,000.

(END)